



REALISME EKONOMI MASYARAKAT MALAYSIA DALAM KARYA INDIE

(Malaysian Economic Realism in the Indie Masterpieces)

Asyraff Jamin^{1*}, Mary Fatimah Subet¹

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding Author: asyraffjamin@gmail.com

Received: 29 May 2020 • Accepted: 1 November 2020 • Published: 30 April 2021

Abstract

*Indie masterpieces are still not well received by the community now as it is still viewed as masterpieces that bring negative elements, taboos, aggressive attributes and unlike usual masterpieces such as prime literary masterpieces or serious masterpieces that have intellectual and aesthetic functions. This research will look into intellectual function of Indie masterpieces, whereby examining economy development thinking that is brought up in four Indie masterpieces, *Aku Rindu 90's*, *Surat-Surat Untuk Kaherah*, *Kunang Pesisir Morten* and *Budak Kelas Belakang*. This research is carried out qualitatively by using Georg Lukacs' realism criticism perspective to identify aesthetic values that are brought up based on the principles outlined by Georg Lukacs, such as art socialisation process as one of the effective medium to support economy, literature masterpieces as tools to fight economy domination, free literature criticism principles as well as literature masterpieces as transformational forces. Focused structural analysis was used to identify Indie writers' thinking towards developing community economy. Three objectives were set, which were to identify economy development thinking in Indie masterpieces, analyse Indie writers' masterpieces that are of same level with serious masterpieces, and lastly rectify community's perception towards Indie masterpieces which are developing fast in Malaysia. The research findings show that Indie masterpieces also bring intellectual function and serious thinking that could bring impact towards community development especially towards community economic stability. The findings of this research also clarify problems that often shadowing Indie masterpieces. It is clear that Indie masterpieces do not bring negative elements, taboos and aggressive attributes, instead they show intellectual functions and have aesthetic values.*

Keywords: *Indie masterpieces, Indie writers' thinking, economy development, Georg Lukacs' realism criticism*

Abstrak

Karya Indie pada masa ini masih belum dapat diterima sepenuhnya oleh masyarakat dan masih dianggap sebagai karya yang membawa unsur negatif, tabu, bersifat agresif serta di luar daripada kebiasaan seperti karya sastera perdana atau karya serius yang mempunyai fungsi intelektual dan estetika. Maka kajian ini akan meneliti fungsi intelektual karya Indie, iaitu meneliti pemikiran pembangunan ekonomi yang dikemukakan dalam empat buah karya Indie, *Aku Rindu 90's*, *Surat-Surat Untuk Kaherah*, *Kunang Pesisir Morten* dan *Budak Kelas Belakang*. Kajian ini dijalankan secara kualitatif menggunakan perspektif kritikan realisme Georg Lukacs bagi mengenal pasti nilai estetika yang ditampilkan berdasarkan prinsip yang digaris Georg Lukacs seperti, proses sosialisasi seni sebagai satu daripada media yang efektif bagi mendukung ekonomi, karya sastera sebagai alat menentang dominasi ekonomi, prinsip sastera kritis yang membebaskan dan karya sastera sebagai daya transformasi. Analisis struktural berfokus digunakan untuk mengenal pasti pemikiran penulis Indie ke arah membangunkan ekonomi masyarakat. Tiga objektif ditentukan, iaitu untuk mengenal pasti pemikiran pembangunan ekonomi yang terdapat dalam karya Indie menganalisis karya penulis Indie yang setanding dengan karya serius, dan akhir sekali bagi membetulkan persepsi masyarakat terhadap karya Indie yang kian pesat berkembang di Malaysia. Dapatan kajian ini menunjukkan karya Indie turut membawakan fungsi intelektual atau pemikiran serius yang mampu memberi impak ke arah pembangunan masyarakat terutamanya ke arah menstabilkan ekonomi masyarakat. Dapatan kajian ini juga telah dapat merungkaikan permasalahan yang sering membayangi karya Indie. Ternyata karya Indie tidaklah membawa unsur negatif, tabu dan bersifat agresif, tetapi turut menampilkan fungsi intelektual dan mempunyai nilai estetika.

Kata kunci: Karya Indie, pemikiran penulis Indie, pembangunan ekonomi, kritikan realisme Georg Lukacs

Cite as: Jamin, A., Subet, M.F. (2021). Malaysian Economic Realism in the Indie Masterpieces. *Asian People Journal*, 4(1), 11-25.

PENGENALAN

Istilah Indie wujud hasil daripada kependekan perkataan bahasa Inggeris, '*independent*'. Sesuai dengan makna '*independent*' itu sendiri yang membawa maksud bebas, merdeka dan tidak bergantung pada yang lain, maka dalam konteks kesusasteraan, Indie dianggap sebagai hasil karya yang diterbitkan secara sendiri, bukan arus perdana tetapi bersifat komersial. Hal ini adalah selari dengan takrifan Indie yang diberikan *Cambridge Advanced Learner's Dictionary Fourth Edition* (2013), iaitu sebagai muzik atau filem yang dihasilkan oleh syarikat atau produser kecil-kecilan yang tidak dimiliki oleh syarikat besar. Sementara menurut Tori (2004) dalam *Urban Dictionary* memberikan definisi Indie sebagai istilah atau terma yang digunakan untuk muzik yang bebas daripada jenama besar atau saluran arus perdana.

Daripada sudut sejarahnya, definisi-definisi yang diberikan ini adalah bertepatan dengan sejarah kemunculan aliran sastera Indie itu sendiri. Sastera Indie dikatakan bermula sekitar tahun 1950-an atau 1960-an dengan kemunculan aliran muzik Indie yang membawa idea untuk membebaskan diri daripada label rakaman komersial, iaitu dengan mengambil pendekatan menghasilkan dan menerbitkan muzik secara sendiri sehingga

tertubuhnya beberapa syarikat penerbitan muzik Indie (Johnny Rogan, 1992). Idea ini seterusnya berkembang sehingga kini yang menyaksikan kemunculan lebih banyak elemen Indie lain termasuklah dalam sastera persuratan dan perbukuan. Di Malaysia, sastera atau buku Indie dikatakan mula berlegar di negara ini sekitar tahun 2000 (Biro Tatanegara, 2015). Namun ada juga pendapat mengatakan bahawa gerakan buku Indie telah pun bermula sekitar tahun 1998, iaitu semasa zaman Reformasi sebagai medium alternatif bagi menyebarkan gerakan berkenaan (Amir Asyraff & Mary Fatimah, 2018; 2020). Oleh yang demikian tiada maklumat yang jelas dan tepat bagi menerangkan masa bermulanya kegiatan perbukuan Indie di negara ini.

Justeru, sebagai cabang sastera baharu di negara ini, karya-karya sastera Indie pada masa ini masih belum dapat diterima sepenuhnya oleh masyarakat dan masih dianggap sebagai karya yang membawa unsur negatif. Karya-karya Indie dikatakan sebagai karya sastera marginal yang membawa pemikiran dan persoalan-persoalan tabu dalam naratifnya termasuklah penggunaan bahasanya. Karya-karya Indie didakwa sebagai karya yang mengarah kepada pemberontakan dan bersifat agresif, serta di luar daripada kebiasaan seperti karya sastera perdana. Di samping itu, karya-karya Indie turut dicap sebagai karya yang mengetengahkan kebebasan berfikir dengan mengemukakan idea yang tidak dikawal yang bercanggah dengan hukum-hakam penerbitan mahupun norma hidup.

Selain itu, Md. Salleh Yappar dalam Hasyuda Abadi (2016) berpendapat kemunculan karya-karya Indie serta kecenderungan masyarakat memilihnya turut dikhuatiri akan merosakkan bahasa Melayu serta dibimbangi akan menghakis jati diri bangsa Melayu itu sendiri. Menurut Md. Salleh Yappar lagi, karya-karya Indie adalah karya yang mengetepikan bahasa dan prinsip akal budi yang sepatutnya diamalkan oleh masyarakat Timur. Buktinya, hal yang sama telah dinyatakan Nor Hasimah dan Melor Fauzita (2016) dalam dapatan kajian mereka, iaitu - karya Indie menggunakan gaya bahasa yang agak santai, menggunakan bahasa basahan, slanga, ditulis dengan kependekan, serta penggunaan bahasa Inggeris yang tidak betul ejaan serta tidak dicondong. Perkara yang sama turut dipersoalkan Maskiah Masrom (2017) dengan menyuarakan - Ada tertulis di sisipan sebuah novel Indie iaitu beberapa perkataan bahasa Inggeris di dalam buku tidak dicetak dengan huruf condong atai italic demi menghayati semangat urban, jelas ia merendahkan kedudukan bahasa ibunda.

Di samping itu, timbul juga desas-desus saranan daripada pihak berkuasa melalui Biro Tatanegara (BTN) pada tahun 2015 supaya kerajaan mengharamkan karya-karya Indie kerana kebanyakan penggiat buku-buku dan sastera Indie didakwa membawa pemikiran baharu yang dikhuatiri akan membentuk masyarakat yang ekstrem sikapnya. Gerakan-gerakan buku Indie turut dituduh sebagai gerakan mengumpulkan pengikut yang boleh menjejaskan kedudukan kerajaan dalam pilihan raya kerana dilihat lebih dominan di pihak pembangkang pada ketika itu (Biro Tatanegara, 2015). Pandangan dan pendapat-pendapat ini sedikit banyak telah mempengaruhi penerimaan masyarakat terhadap karya Indie dan membuatkan mereka lebih cenderung berpandangan serong terhadap karya Indie. Karya Indie turut dianggap sebagai karya yang tidak mampu membentuk tamadun dan peradaban sesebuah masyarakat. Hasyuda Abadi (2016) misalnya, berpendapat karya Indie sebagai tidak menepati pengertian sastera seperti yang difahami pada hari ini. Menurutnya, karya sastera diibaratkan sebagai kitab suci sesuai dengan makna atau pengertian sastera yang berasal daripada perkataan *castra* dalam bahasa Sanskrit yang bermaksud *kitab suci*. Sastera turut ditandai dengan beberapa unsur khusus yang mampu membentuk tamadun dan peradaban sesuatu masyarakat selain memperlihatkan sikap dan pandangan pengarangnya. Di samping itu, Muhammad Rashidi dan Nur Hidayah (2016) turut melabelkan penulis Indie sebagai penulis yang celaru, agnostik dan narsistik. Pandangan serong inilah yang mahu dibetulkan pengkaji disamping mahu membuktikan bahawa karya-karya Indie juga mampu membentuk tamadun dan peradaban masyarakat serta mampu menambah baik kualiti hidup masyarakat melalui idea yang dikemukakan oleh penulisnya.

Justeru, suatu kajian perlu dilaksanakan bagi membuktikan karya-karya Indie tidaklah seperti yang ditakrifkan pada masa ini seterusnya menjernihkan persepsi semasa yang keruh terhadap karya-karya Indie. Pembuktian ini akan dilakukan dengan mengupas pemikiran penulis Indie dengan membahaskan kesan dan hubung kaitnya terhadap pembangunan dan penambahbaikan kualiti hidup masyarakat. Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan mengupas pemikiran penulis Indie ke arah membangunkan ekonomi masyarakat agar mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih adil dan sejahtera tanpa ada yang tercicir daripada arus kemajuan ekonomi pada hari ini. Dapatan kajian ini seterusnya dapat dijadikan bukti untuk mengangkat karya-karya Indie sebagai karya yang membawa pemikiran yang berimpak positif kepada masyarakat, setanding dengan karya-karya serius arus perdana. Karya serius menurut Mohammad Fadezeli (2011) ialah karya yang memiliki fungsi intelektual dan estetika. Maka, fokus kajian ini adalah untuk meneliti fungsi intelektual ataupun pemikiran yang disampaikan oleh penulis-penulis Indie ke arah memperkasa dan menambah baik taraf ekonomi masyarakat sesuai dengan nilai-nilai estetika seperti yang ditekankan Georg Lukacs dalam aliran realisme.

Kajian Lepas Terhadap Karya Indie

Sebagai bentuk sastera baharu di negara ini, karya Indie pada masa ini masih kurang ditekuni oleh pengkaji di negara ini. Sehingga kini, hanya terdapat segelintir sahaja pengkaji yang telah menjalankan kajian terhadap karya jenis ini. Antara kajian tersebut seperti; *Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa Dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman* (Mohd Khairul, Florence Gilliam dan Muhammad Zaid, 2018), *Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie Di Malaysia* (Muhammad Rashidi & Nur Hidayah, 2016) dan kajian yang bertajuk *Karya Indie: Revolusi Penulis Generasi Baru* (Nor Hasimah & Melor Fauzita, 2016).

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan ini, pengkaji berpendapat masih begitu banyak kelompangan yang perlu diisi dalam kajian-kajian terhadap sastera Indie ini. Aspek fokus kajian misalnya, pengkaji mendapati masih belum ada kajian yang mengarah kepada kupasan pemikiran atau falsafah yang dibawa penulis Indie. Sebagai contoh, kajian oleh Mohd Khairul, Florence Gilliam dan Muhammad Zaid (2018) misalnya, mereka hanya memfokuskan kepada aspek penggunaan gaya bahasa seperti diksi, simile, hiperbola serta penggunaan-penggunaan unsur seperti slanga, dialek dan bahasa asing. Sementara kajian oleh Muhammad Rashidi & Nur Hidayah (2016) dan kajian oleh Nor Hasimah & Melor Fauzita (2016) pula, mereka hanya memfokuskan kepada kelemahan dan sisi buruk karya Indie semata-mata. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa masih begitu banyak kelompangan yang perlu diisi dalam bidang kajian sastera Indie ini. Tambahan pula, seperti yang diperkatakan Lokman Hakim (2019), - *estetika, falsafah dan juga kreativiti pengarang perlu dilihat tanpa prejudis*. Maka, pengkaji berpendapat karya Indie juga sepatutnya diberikan peluang yang sama seperti karya arus perdana dan tidak boleh dipandang secara prejudis dengan melihat kelemahan dan sisi buruknya semata-mata.

Selain itu, pengkaji turut berpendapat bahawa kajian-kajian lalu ini bersifat tidak menyeluruh dengan meneliti hanya sebuah karya Indie sahaja dalam kajian mereka. Kajian Mohd Khairul, Florence Gilliam dan Muhammad Zaid (2018) misalnya, hanya menggunakan novel Indie berjudul *Nasi Kangkang* (2014). Begitu juga dengan kajian Muhammad Rashidi & Nur Hidayah (2016), hanya menggunakan buku Indie berjudul *Antithesis* (2014) sementara Nor Hasimah & Melor Fauzita (2016), hanya menggunakan novel *Kelabu* (2011). Hal ini pada pandangan pengkaji adalah bersifat tidak menyeluruh kerana masih terdapat begitu banyak karya Indie yang belum ditekuni di samping boleh dianggap sebagai kajian yang tidak adil dari aspek dapatannya dan rumusannya.

Oleh yang demikian, kajian ini akan cuba mengisi kelompangan-kelompangan kajian terdahulu dengan membahaskan pemikiran, idea dan falsafah yang dibawa oleh penulis-penulis Indie yang dirasakan signifikan dan

mampu memberi impak positif ke arah membangunkan dan menambah baik kualiti hidup masyarakat terutamanya dalam aspek ekonomi sesuai dengan tajuk kajian ini. Kajian ini juga turut menggunakan lebih daripada satu karya Indie bagi memperoleh dapatan yang lebih tepat, adil, berkesahan dan kukuh. Dengan demikian, pengkaji akan dapat membuktikan bahawa karya-karya Indie sebenarnya turut membawakan pemikiran serius yang mampu memberi impak positif kepada kehidupan masyarakat sama seperti karya-karya serius arus perdana yang lain.

Kajian Sastera Realisme

Realisme merupakan sebuah aliran kesusasteraan yang memfokuskan fungsi sosial kesusasteraan dalam masyarakat (Gorky, 1934). Menurut Gorky (1934), adalah menjadi kewajiban penulis realis untuk menjadikan kegiatan kesusasteraan sesuai dengan aktiviti keseluruhan masyarakat. Aliran realisme menekankan hubungan dialektik antara pengkarya dengan masyarakat sebagai lingkungan sosialnya (Georg Lukacs, 1990). Seperkara lagi, pengkarya realis tidak hanya digerakkan oleh persekitaran atau lingkungan sosial semata-mata tetapi turut berperanan menggerakkan lingkungan sosial mereka untuk mengatasi hambatan atau permasalahan yang wujud dalam kehidupan sehari-hari mereka (Georg Lukacs, 1990). Karya sastera realis adalah karya yang mampu memberi impak terhadap masyarakat dalam mengatasi masalah atau hambatan-hambatan dalam kehidupan sehari-hari (Gorky, 1934). Di sinilah letaknya estetika kesusasteraan realisme, yang menurut Georg Lukacs (1990) - seni yang indah adalah seni yang mengungkapkan kebenaran realiti serta seni atau sastera yang mampu menjadi mekanisme ke arah pewujudan masyarakat tanpa penindasan dan perbezaan melalui karya sastera (Pramoedya, 2003).

Penelitian karya sastera menggunakan teori realisme bukanlah suatu yang asing dalam kegiatan kritikan mahupun apresiasi sesebuah karya. Namun dalam konteks sastera Malaysia, aliran ini masih agak asing kerana baru sahaja keluar daripada fasa-fasa penyisihan kerana pernah dianggap sebagai satu daripada manifestasi kepada protes yang diterajui Karl Marx terhadap golongan dan sistem kapitalis (Asyraff Jamin, 2018). Aliran realisme abad ini dilihat telah mula keluar daripada kolong-kolong perangkap ideologi dan agenda fahaman Marxisme dan Komunisme (S.M. Zakir, 2018) dan sudah mulai diterima dalam kegiatan kesusasteraan di negara ini. Antara kajian-kajian dalam dan luar negara yang menggunakan aliran atau teori ini sebagai sandaran dalam proses analisisnya seperti kajian yang bertajuk *Realitas Sosial Dalam Novel Kelomang Karya Qizink La Aziva* (Mega Prayitna, 2017), *Pemikiran Dalam Novel Sebalik Yamashita dan Percival* (Marzalina, Nor Hafidah & Hasmawati, 2016), *Menyoal Realisme Sosial Dalam Novel Gadis Pantai Karya Pramodhya Ananta Teor* (Rukayah, 2016) dan kajian tentang *Realisme Dalam Cerpen-Cerpen Dua Penulis Mahua Di Malaysia* (Yau Chee Teng, 2015).

Berdasarkan kajian-kajian ini, pengkaji mendapati kajian realisme sebenarnya berusaha menggali realiti kemasyarakatan dalam karya-karya sastera yang dikaji. Buktinya, kajian oleh Mega Prayitna (2017) mendapati novel *Kelomang* (2016) menyentuh isu-isu yang benar-benar berlaku dalam kehidupan masyarakat seperti korupsi, politik, ekonomi, kebudayaan dan kematian (pembunuhan). Begitu juga dengan kajian oleh Yau Chee Teng (2015) yang mendapati cerpen-cerpen tulisan dua penulis Mahua di Malaysia, iaitu Tou Ling dan Yun Lifeng banyak membicarakan unsur realisme yang benar-benar berlaku dalam masyarakat Cina di Malaysia seperti kebudayaan, pendidikan, kewanitaan, pengaruh konfusianisme, gejala sosial, amalan rasuah, sekolah persendirian Cina, serta hubungan masyarakat Cina dengan masyarakat lain pasca peristiwa 13 Mei. Kedua-dua kajian ini juga telah membuktikan bahawa realiti atau isu-isu yang dikemukakan dalam karya-karya yang dikaji sememangnya benar-benar berlaku dalam masyarakat menerusi bukti-bukti realisme yang terdiri daripada catatan-catatan berita di surat khabar dan termasuk portal berita dalam talian serta dokumen-dokumen rasmi pihak berautoriti yang telah dikemukakan dalam kajian mereka. Di samping itu, kajian sastera realisme juga turut membahaskan tentang kesan

atau impak sesebuah karya sastera kepada masyarakat selari dengan prinsip dan estetika realisme itu sendiri. Kesan atau impak karya sastera terhadap masyarakat dengan jelas dapat dilihat dalam kajian Marzalina, Nor Hafidah & Hasmawati (2016). Mereka mendapati penulis novel *Sebalik Yamashita Dan Percivel* (2015) banyak membahaskan idea-idea anti kolonialisme dan imperialisme serta kesannya terhadap masyarakat di negara ini. Di samping itu, impak sesebuah karya sastera kepada masyarakat juga dapat dinilai berdasarkan kecenderungan penulisnya. Dalam kajian Rukayah (2016) misalnya, impak novel *Gadis Pantai* (2011) dapat dilihat menerusi kecenderungan penulisnya terhadap *Gadis Pantai* yang merupakan rakyat marhaen dalam konflik pertentangan kelas yang dijelmakannya dalam novel tersebut. Begitu juga dengan dapatan kajian yang diperoleh Yau Chee Teng (2015) yang mendapati bahawa cerpen-cerpen tulisan Tou Ling dan Yun Lifeng sememangnya memberi kesan positif kepada masyarakat khususnya masyarakat Cina dalam usaha menjadikan mereka lebih maju, dapat mengecapi kesejahteraan dalam kehidupan sehari-hari serta dapat hidup dalam kerangka perpaduan di Malaysia.

Tuntasnya, kajian lalu yang telah diteliti ini telah memberi gambaran kepada pengkaji tentang aspek-aspek yang perlu diberikan perhatian dalam sesebuah kajian sastera realisme. Aspek yang disebut dan dinyatakan dalam kajian-kajian tersebut dapat menjadi panduan dan rujukan dalam merangka kajian yang bakal dilaksanakan ini di samping dapat digunakan untuk mengesan kelompangan yang masih belum terisi dalam kajian-kajian terdahulu termasuklah dalam karya sastera yang akan dibahaskan. Dalam pada itu, dapatan-dapatan daripada kajian-kajian terdahulu ini turut dapat dijadikan sebagai sumber kepada kajian ini bagi memastikan kajian ini tetap berada pada landasan yang betul seperti yang telah ditentukan, iaitu bagi mengupas pemikiran penulis Indie ke arah membangunkan ekonomi masyarakat. Dapatan kajian ini kelak akan dapat digunakan sebagai bukti untuk mengangkat karya-karya Indie sebagai karya serius yang berimpak kepada masyarakat sesuai dengan prinsip kesusasteraan dan juga realisme itu sendiri.

Kajian ini dijalankan berdasarkan tiga objektif, iaitu untuk mengenal pasti pemikiran atau wacana pembangunan ekonomi yang terdapat dalam karya-karya penulis Indie yang terdapat di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis karya-karya penulis Indie yang setanding dengan karya serius dan akhir sekali bagi membetulkan persepsi masyarakat terhadap karya-karya Indie yang kian pesat berkembang di Malaysia.


METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan data korpus teks bertulis yang terdiri daripada empat buah novel terbitan Indie di Malaysia, iaitu novel *Aku Rindu 90's* (2012), *Surat-Surat Untuk Kaherah* (2013), novel *Kunang Pesisir Morten* (2015) dan *Budak Kelas Belakang* (2018). Kaedah analisis dokumen digunakan bagi menganalisis keempat-empat novel tersebut bagi mengenal pasti pemikiran dan wacana pembangunan ekonomi masyarakat yang dikemukakan penulis Indie dalam novel tulisan mereka.

Pemikiran atau wacana yang telah dikenal pasti daripada novel-novel tersebut seterusnya akan dianalisis menggunakan perspektif realisme Georg Lukacs. Proses analisis ini melibatkan proses analisis perbandingan realisme, iaitu data pemikiran yang telah dikenal pasti akan dibandingkan dengan bukti-bukti realisme yang terdiri daripada dokumen seperti dasar-dasar kerajaan, berita-berita daripada akhbar, berita dalam talian, dan juga jurnal-jurnal ilmiah yang relevan terhadap usaha membangunkan ekonomi masyarakat. Analisis perbandingan realisme ini dilakukan bertujuan untuk membuktikan hubung kait antara pemikiran penulis Indie dengan realiti sebenar yang berlaku dalam masyarakat selari dengan prinsip realisme menurut Georg Lukacs (1963), iaitu - *sesebuah karya*

sastera sebagai cerminan realiti sosial kehidupan sesebuah masyarakat.

Sebagai sebuah aliran sastera yang menekankan fungsi sosial sesebuah karya sastera, realisme bukanlah aliran yang hanya melihat hubungan antara realiti sosial dengan naratif karya sastera semata-mata, tetapi turut melihat kesannya terhadap kehidupan masyarakat, seperti yang ditegaskan Maksim Gorky (1934), - *sesebuah karya sastera realis sepatutnya mampu memberi impak terhadap masyarakat dalam mengatasi masalah atau hambatan-hambatan dalam kehidupan sehari-hari*. Di sinilah letaknya kesinambungan dalam proses analisis perbandingan realisme mengikut perspektif kritikan realisme Georg Lukacs. Setelah pemikiran penulis yang dikenal pasti dianalisis dan melalui proses perbandingan dengan bukti-bukti realisme, barulah pemikir penulis ini boleh diterima sebagai pemikiran realisme yang memberi impak kepada kehidupan seluruh masyarakat. Rajah 1 di bawah akan menerangkan dengan lebih jelas tatacara analisis menggunakan perspektif kritikan realisme Georg Lukacs.



Rajah 1: Kerangka metodologi kajian

Secara keseluruhannya, kaedah atau metodologi yang digunakan dalam menjalankan analisis bagi kajian ini amatlah sesuai, selari dan bertepatan dengan konteks kajian ini dilaksanakan. Dari aspek teorinya pula, perspektif kritikan realisme Georg Lukacs amatlah relevan digunakan kerana mengutamakan hubungan sesebuah karya sastera dengan masyarakat serta sumbangannya kepada kehidupan masyarakat sehari-hari. Hal ini jelas sekali bertepatan dengan tajuk, konteks dan objektif kajian ini dilaksanakan, iaitu bagi melihat pemikiran penulis Indie ke arah membangunkan ekonomi masyarakat. Oleh yang demikian, kaedah yang digunakan ini diyakini dapat menjawab kesemua persoalan seterusnya mencapai kesemua objektif yang telah ditentukan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis menggunakan perspektif kritikan realisme Georg Lukacs terhadap keempat-empat novel Indie yang dikaji, pengkaji mendapati kesemua novel Indie yang diteliti dalam kajian sarat dengan pemikiran atau wacana ke arah pembangunan ekonomi masyarakat. Pemikiran-pemikiran yang dikenal pasti ini jelas memberikan impak positif kepada kehidupan sehari-hari masyarakat terutamanya terhadap ekonomi mereka.

Ekonomi boleh dianggap sebagai tunjang yang penting bagi memastikan sesebuah masyarakat mampu bertahan hidup dan bersaing mengejar arus kemajuan yang begitu pesat dan rencam pada masa kini. Oleh yang

demikian, masyarakat sama ada mahu ataupun tidak, haruslah berani keluar daripada zon selesa dengan berusaha memajukan ekonomi diri, keluarga dan masyarakat agar mereka tidak tercicir dan terkebelakang dalam menikmati arus kemajuan lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi yang agak menekan disebabkan oleh peningkatan kos sara hidup dan ketidakpastian pasaran seperti pada hari ini. Karya sastera daripada perspektif realisme Georg Lukacs, terlahir daripada proses merenung, memerhati serta melalui proses interaksi antara penulis dengan persekitarannya (Georg Lukacs, 1963). Oleh yang demikian, sesebuah karya sastera bukanlah sesuatu yang lahir kosong tanpa makna, melainkan sebagai gambaran kehidupan masyarakat yang benar-benar terjadi (Georg Lukacs, 1963). Menurut Georg Lukacs (1963) lagi, karya sastera atau dalam konteks aliran realisme disebutkan sebagai karya realis, adalah gambaran perjuangan masyarakat yang ingin membebaskan diri daripada penderitaan dan halangan yang menyekat mereka daripada menikmati kehidupan yang lebih baik. Maka, adalah menjadi kewajiban seseorang penulis realis untuk menyalurkan pemikiran agar dapat menggerakkan persekitaran atau lingkungan sosialnya (masyarakat) untuk mengatasi permasalahan dan halangan untuk menjalani kehidupan sehari-hari yang lebih sejahtera. Oleh yang demikian, perbincangan ini akan membahaskan pemikiran-pemikiran yang dikemukakan penulis-penulis Indie ke arah menggerakkan masyarakat untuk memahami, menilai dan seterusnya bertindak membangunkan dan menambah baik taraf ekonomi agar masyarakat dapat mengecapi kehidupan yang lebih baik, maju dan sejahtera.

Perbincangan ini dimulakan dengan kupasan pemikiran atau wacana pembangunan ekonomi yang dikemukakan oleh Wan Shafiq dalam karyanya *Aku Rindu 90's*. Sebagai sebuah karya realis yang berkait rapat dengan masyarakat, Wan Shafiq telah menyentuh persoalan kos sara hidup yang kian meningkat dari tahun ke tahun. Sebagai sebuah novel yang menggunakan latar masa sekitar tahun 90-an, Wan Shafiq telah mengemukakan perbezaan harga makanan pada zaman 90-an dengan zaman sekarang. Perbandingan ini dapat dilihat menerusi petikan berikut;

Nasi Lauk Ikan 20 Sen
Nasi Lauk Ayam 30 Sen

Aku lihat papan yang ditulis dengan harga nasi. Nasi dan lauk sudah tersedia diisi di atas pinggan plastik, lauknya juga sudahpun diasingkan mengikut warna pinggan, biru untuk ikan, oren untuk ayam. Dalam hati aku berfikir, nasi ikan lagi murah, baik beli nasi ikan.

Itulah harga nasi di sekolah pada tahun 1996 di sebuah sekolah kebangsaan di Kelantan. Kalau di Shah Alam hari ini, apa yang boleh dibeli menggunakan 20 sen. Ais kosong di restoran mamak. Harga nasi hari ini RM 1.50, ayam RM 2.50, tambah kuah, keseluruhannya RM 4, tapi tak semua restoran dan kedai makan menjual dengan harga begini, sebabnya ini adalah kategori murah. Paling murah RM 4.

(Aku Rindu 90's, hlm 38-39)

Petikan di atas jelas menunjukkan perbezaan harga makanan pada zaman 90-an dengan harga makanan pada hari ini. Kita mengetahui bahawa makanan merupakan keperluan asas untuk terus hidup. Justeru, dengan berlakunya peningkatan harga makanan, secara tidak langsung akan meningkatkan kos sara hidup masyarakat. Secara teorinya, semakin meningkat kos sara hidup, semakin kurangnya kuasa beli pengguna (Julizah Sabtu, 2014). Daripada perspektif realisme Georg Lukacs, pendapat Julizah Sabtu (2014) ini adalah sangat bertepatan dengan idea yang dikemukakan oleh penulis novel *Aku Rindu 90's* dalam petikan di atas. Wan Shafiq dengan jelas telah menggambarkan realiti kesusutan kuasa beli yang dialami masyarakat pada zaman kini berbanding kuasa beli yang dimiliki masyarakat seperti pada zaman 90-an yang diakibatkan kos sara hidup yang terus-menerus meningkat

terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga makanan yang menjadi keperluan asas manusia. Kenaikan kos sara hidup yang digambarkan Wan Shafiq ini daripada perspektif realisme dilihat sebagai perjuangan masyarakat yang ingin membebaskan diri daripada penderitaan akibat suatu sistem kekuasaan (Georg Lukacs, 1990). Isu kenaikan kos sara hidup inibukan sahaja menjejaskan kuasa beli masyarakat, bahkan turut menggugat kebahagiaan masyarakat (Nor Hartini, 2014).

Menurut Nor Hartini (2014), kenaikan kos sara hidup telah memberikan implikasi yang negatif kepada masyarakat khususnya kepada sesebuah keluarga. Apabila kos sara hidup tidak selari dengan peningkatan pendapatan isi rumah, situasi ini sudah pastinya akan mengurangkan pendapatan boleh belanja isi rumah dan disebabkan itulah ada keluarga yang terpaksa berhutang demi kelangsungan hidup yang seterusnya boleh menggugat kebahagiaan keluarga seperti terjadinya simptom tekanan akibat ketidakmampuan menjelaskan hutang. Sebagai contoh, ada antara mereka yang mengalami kesukaran untuk tidur, hilang selera makan, sakit kepala, tekanan perasaan, bimbang, mudah marah dan banyak lagi tingkah laku yang negatif yang boleh menjejaskan hubungan kekeluargaan dan kemasyarakatan. Daripada analisis ini, pengkaji berpendapat pembahasan persoalan ekonomi dalam sesebuah karya sastera adalah amat relevan kerana memberikan kesan kepada kehidupan masyarakat. Dalam teori realisme Georg Lukacs (1963), persoalan ekonomi merupakan persoalan yang kerap kali diberikan perhatian. Teori ini telah menetapkan asas ekonomi dan masyarakat tanpa kelas dengan memberi penekanan kepada proses sosialisasi seni termasuklah kesusasteraan sebagai satu daripada media yang efektif bagi mendukung rancangan ekonomi Soviet (Kernig, 1972) dalam (Georg Lukacs, 1990). Daripada sudut pemikirannya, Wan Shafiq sebenarnya mahu masyarakat berbelanja dengan berhemah dalam situasi ekonomi seperti sekarang ini. Buktinya, dalam petikan di atas Wan Shafiq telah menyarankan agar kita membuat pilihan yang bijak dalam membeli, iaitu dengan membeli barangan yang lebih murah tetapi mempunyai kualiti yang sama. Penulis telah memilih untuk membeli nasi lauk ikan yang lebih murah berbanding nasi lauk ayam yang jika diukur dari segi kekenyangan memakannya adalah sama sahaja. Justeru, masyarakat khususnya pembaca haruslah mengambil cakna terhadap mesej yang disampaikan oleh penulis novel *Aku Rindu 90's* ini agar dapat menghadapi zaman ekonomi yang kian mencabar seperti sekarang. Maka, jelaslah bahawa pemikiran yang dibawakan oleh penulis novel ini adalah mengarahkan kepada mendidik masyarakat untuk berbelanja secara lebih berhemah dalam zaman yang serba mencabar ini.

Perbincangan ini seterusnya dilanjutkan dengan membahaskan wacana pembangunan ekonomi masyarakat yang dikemukakan Maisarah Mansor menerusi karyanya, *Surat-Surat Untuk Kaherah*. Sebagai sebuah karya realis yang berusaha menambah baik taraf kehidupan masyarakat, Maisarah Mansor telah mengemukakan persoalan ketidakseimbangan kemajuan ekonomi masyarakat yang dilihat lebih didominasi oleh masyarakat Cina. Tulisnya;

Seperti restoran ini, seperti perhentian bas yang lengang di hadapannya, seperti pasar raya Giant yang jarang dikunjungi orang, begitulah populasi daerah ini. Daerah kecil yang mendapat jolokan 'Pekan Koboi'. Kerana sebelum bandar baru ini dibina, deretan kedainya masih bangunan kayu dua tingkat. Milik Cina-cina yang memonopoli kuasa niaga Tanah Melayu. Katakanlah hendak membeli apapun, hampir semuanya di pusat perniagaan Cina. Dari alat tulis, cenderamata, barang runcit, pakaian, makanan ringan dan bengkel, semua wang mengalir ke saku tebal orang Cina. Tuah pendatang di negeri orang. Jual beli yang belum dikuasai cuma makanan berat dan pemerdagangan orang. Makanan berat kerana orang Melayu dikawal syariat. Pemerdagangan orang pula diselia oleh kastam. Bukan pemerdagangan orang, cuma mengambil untung sebagai ejen pembantu rumah. Cuma produknya manusia. Modalnya jawatan dan pengangkutan untuk membawa pembantu rumah Indonesia dari Tanjung Balai ke Jeti Kukup tiga puluh minit.

(Surat-Surat Untuk Kaherah, hlm 10)

Berdasarkan petikan di atas, Maisarah Mansor dengan jelas telah menggambarkan ketidakseimbangan ekonomi yang dilihatnya lebih dikuasai masyarakat Cina terutamanya dalam sektor perniagaan termasuklah perdagangan. Menurutnya semua aktiviti jual beli telah dikuasai masyarakat Cina melainkan jual beli makanan berat orang Melayu yang tertakluk kepada tuntutan memakan makanan yang halal. Hal ini jelas menunjukkan Maisarah Mansor sememangnya mendukung prinsip realisme yang dibawa Georg Lukacs (1990) dengan menjadikan karyanya sebagai alat menentang dominasi ekonomi. Secara realitinya, ketidakseimbangan ekonomi antara kaum ini sememangnya berlaku di negara ini. Buktinya, kerajaan Malaysia pada tahun 1970 telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan untuk memulihkan ketidakseimbangan sosioekonomi yang wujud antara kaum, antara wilayah, dan antara kawasan dalam wilayah yang sama (Malaysia Kita, 2007). Pengenalan dasar ini membuktikan bahawa pihak kerajaan memandang serius dan benar-benar mahu mengatasi masalah ketidakseimbangan ekonomi dalam kalangan masyarakat Malaysia. Hal ini menjadi bukti bahawa masalah ketidakseimbangan ekonomi yang disuarakan penulis di dalam novelnya semenangnya benar-benar berlaku dan merupakan realiti dalam kehidupan masyarakat di Malaysia.

Daripada sudut pemikirannya, tindakan Maisarah Mansor membangkitkan permasalahan ketidakseimbangan ekonomi masyarakat ini boleh dilihat sebagai satu daripada cara untuk menarik perhatian masyarakat khususnya pembaca untuk melihat permasalahan ketidakseimbangan ekonomi ini seterusnya mencari jalan penyelesaian bagi mengatasinya. Kita tidak boleh semata-mata mengharapkan pihak berkuasa khususnya kerajaan bagi mengatasi masalah ini. Kebergantungan seperti ini hanya akan menjerumuskan kita kepada kehidupan yang 'dehumanis', iaitu menjadikan kita sebagai lubuk kesempatan untuk sesetengah pihak mengaut keuntungan. Oleh sebab itulah Georg Lukacs (1990) amat mementingkan prinsip sastera kritis dan membebaskan dalam teori realismenya. Sebagai masyarakat yang produktif dan berdaya maju, kita seharusnya turut menyumbang idea dan kepakaran bagi mengatasi dan membebaskan diri daripada masalah yang membelenggu masyarakat seterusnya bagi menambah baik kualiti serta memajukan taraf hidup masyarakat. Oleh yang demikian, pemikiran penulis ini jelas sekali dapat dijadikan sebagai titik tolak yang membawa kepada kesedaran masyarakat bagi mengatasi jurang ekonomi serta menambah baik taraf ekonomi sedia ada yang masih ketinggalan.

Kupasan pemikiran penulis Indie dalam membangunkan ekonomi masyarakat seterusnya beralih kepada pemikiran atau wacana yang dibawa Raiha Bahaudin menerusi naskhah *Kunang Pesisir Morten*. Raiha Bahaudin turut membawa pemikiran yang menekankan idea pewujudan keseimbangan ekonomi dalam kalangan masyarakat. Keseimbangan ekonomi dilihatnya sebagai kunci agar masyarakat dapat menikmati gaya hidup yang tinggi dan berkualiti. Pemikirannya ini disampaikan seperti;

Sebenarnya hampir seluruh bandar ini dipenuhi rumah kedai Cina kecuali beberapa bahagian seperti Jalan Bendahara atau dikenali sebagai Wolferstan Road. Kami memanggilnya Little India kerana dipenuhi peniaga India Peranakan yang membuka restoran vegetarian nasi daun pisang, harum rempah, barang kemas, sari dan perkakas rumah. Juga di satu bahagian akan kau temui Kampung Jawa yang dipenuhi bazaar di pesisiran Sungai Melaka. Syurga pasaraya marhaen.

(Kunang Pesisir Morten, hlm 69)

Sebagai sebuah karya realis yang meraikan kepelbagaian kaum dan budaya, keseimbangan ekonomi antara masyarakat digambarkan Raiha Bahaudin sebagai, - apabila seluruh masyarakat mendapat peluang untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka tanpa adanya sebarang dominasi oleh mana-mana pihak atau dalam konteks perbincangan ini oleh mana-mana kaum. Seperti dalam petikan di atas, Raiha Bahaudin telah menggambarkan

bahawa dominasi ekonomi yang sebelumnya dikuasi masyarakat Cina telah mula dapat dipecahkan, beberapa kawasan di bandar Melaka telah mula didirikan kedai-kedai dan perusahaan masyarakat India dan Melayu. Situasi ini daripada sudut realitinya boleh dilihat sebagai kesan positif DEB seperti yang diketahui digubal oleh kerajaan dengan tujuan untuk memulihkan ketidakseimbangan sosioekonomi yang wujud antara kaum, antara wilayah, dan antara kawasan dalam wilayah yang sama di negara ini (Malaysia Kini, 2007). Melihat kepada garis masa pelaksanaannya, latar masa tahun 1984 yang dimainkan dalam novel ini masih boleh dianggap sebagai fasa pertengahan pelaksanaan dasar ini. Maka dengan wujudnya kedai-kedai milik masyarakat lain terutamanya masyarakat Melayu dan bumiputera ini, terbukti usaha kerajaan melalui DEB berada dalam landasan yang betul. Pada realitinya, dasar ini mensasarkan supaya bumiputera memiliki 30% hak milik syarikat menjelang 1990 (Malaysia Kini, 2007). Oleh itu, dengan kewujudan dan peningkatan jumlah kedai-kedai atau syarikat Melayu Bumiputera seperti yang digambarkan Raiha Bahaudin telah membuktikan DEB sememangnya memberikan impak yang positif kepada pembangunan ekonomi masyarakat.

Daripada sudut pemikirannya, Raiha Bahaudin sebenarnya mahu menekankan tentang kepentingan mewujudkan keseimbangan ekonomi dalam suasana masyarakat majmuk di Malaysia. Raiha Bahaudin dilihat begitu bijak mengatur latar masa dan latar masyarakat dengan dasar yang diimplementasikan oleh kerajaan ke arah mewujudkan masyarakat yang dapat menikmati ekonomi secara adil tanpa ada masyarakat yang tercicir selari dengan prinsip 'humanis' atau humanisme yang dibawa oleh Georg Lukacs (1990). Pemikiran yang dibawakan oleh Raiha Bahaudin ini jelas sekali mendukung usaha murni kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang lebih maju dari sudut ekonomi. Pemekasaan ekonomi masyarakat yang lebih seimbang haruslah diberi perhatian yang lebih serius supaya masyarakat dapat meningkatkan taraf hidup mereka serta mampu menikmati gaya hidup yang tinggi dan berkualiti bersama-sama. Maka, pemikiran yang disampaikan Raiha Bahaudin melalui karyanya ini bolehlah diterima sebagai suatu wacana pembangunan ekonomi masyarakat secara lebih adil, seimbang dan menyeluruh. Akhir sekali, perbincangan ini akan mengupas pemikiran pembangunan ekonomi yang dibawa Emylia Mohd Nor menerusi karyanya, Budak Kelas Belakang. Melihat kemajuan ekonomi sebagai tunjang yang harus disemai sedari usia muda remaja lagi, Emylia Mohd Nor telah mengemukakan ideanya dengan cara menyemai semangat keusahawanan kepada masyarakat bermula seawal zaman persekolahan lagi. Pemikirannya ini dapat dilihat melalui petikan berikut;

Masa aku tingkatan satu, ada ekspo keusahawanan. Setiap blok perlu memikirkan cara untuk menjana dana untuk blok masing-masing. Blok aku menjalankan perniagaan hiburan, rumah hantu.

(Budak Kelas Belakang, hlm 60)

Keusahawanan yang juga sinonim disebut perniagaan dalam kalangan masyarakat secara realitinya merupakan salah satu cara untuk menjanakan pendapatan yang seterusnya akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi individu, keluarga dan masyarakat. Justeru, sebagai penulis realis yang mempunyai visi terkehadapan dan peka akan hakikat ini, Emylia Mohd Nor berusaha menyampaikan idea ini agar masyarakat turut sama menyedarinya di samping mahu memupuk minat masyarakat agar menjadikan keusahawanan sebagai cara untuk menambah baik taraf ekonomi mereka. Idea Emylia Mohd Nor ini jelas sekali selaras dengan prinsip realisme yang ditegaskan Georg Lukacs (1990), iaitu karya sastera sebagai daya transformasi yang akan menggerakkan orang, dan dalam konteks pemikirannya ini, Emylia Mohd Nor mahu menggerakkan orang agar melibatkan diri dengan keusahawanan sebagai cara menambah baik taraf ekonomi. Pemikiran atau idea yang dikemukakan Emylia Mohd Nor ini selari dan turut dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi

pengimplementasian Elemen Merentas Kurikulum (EMK) dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan yang terbaharu di dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang salah satu daripada elemen tersebut menjurus kepada elemen keusahawanan. Penerapan elemen keusahawanan ini bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tingkatan 3, 2019). Hal ini jelas sekali menunjukkan bahawa budaya keusahawanan ini sememangnya dititikberatkan kepada masyarakat khususnya murid sekolah. Kerajaan menerusi KPM giat menerapkan elemen ini agar menjadi budaya kepada masyarakat. Tambahan pula, dalam situasi ekonomi yang tidak menentu dan sedikit mencabar kini, serta peningkatan jumlah graduan pemegang ijazah yang bergraduasi daripada universiti saban tahun, maka wujud persaingan besar dalam merebut peluang pekerjaan di negara ini. Jumlah peluang pekerjaan yang tersedia di negara ini sudah tentunya tidak mampu menampung sepenuhnya jumlah graduan yang bergraduasi ini dan pastinya akan ada antara mereka yang akan menganggur. Maka, keusahawanan dilihat sebagai langkah yang paling efektif bagi memastikan masyarakat khususnya golongan graduan ini mendapat sumber pendapatan dan tidak terus menganggur. Oleh yang demikian, pemikiran Emylia Mohd Nor ini amatlah relevan dalam usaha memastikan masyarakat tidak tercicir daripada arus pembangunan terutamanya dalam bidang ekonomi itu sendiri. Daripada sudut pemikirannya, Emylia Mohd Nor sebenarnya mahu memberi kesedaran kepada masyarakat supaya sedar dan menitikberatkan budaya keusahawanan dalam kalangan generasi muda bermula seawal di zaman persekolah lagi. Penyemaian dan penerapan elemen ini kepada generasi muda boleh dianggap sebagai satu mekanisme untuk mempersiapkan mereka bagi mendepani cabaran ekonomi yang begitu mencabar seperti hari ini. Tambahan pula, pada era revolusi industri 4.0 ini, masyarakat hendaklah berani mengambil risiko keluar daripada zon selesa dengan tidak lagi mengharapkan peluang-peluang pekerjaan daripada sektor awam mahupun swasta semata-mata, sebaliknya mula memikirkan alternatif lain yang boleh dilakukan bagi menjanakan pendapatan. Pada realitinya, Idris Jusoh (2016) turut menyarankan agar masyarakat melakukan anjakan minda dengan mengubah cara berfikir daripada pencari pekerjaan kepada penjana pekerjaan.

Saranan ini merupakan bukti realisme yang jelas sebagai daya tolak agar masyarakat berfikir lebih terkehadapan dengan menjadikan bidang keusahawanan sebagai bidang keberhasilan utama ekonomi. Masyarakat haruslah berani berubah dan mula keluar daripada zon selesa dengan memberanikan diri menghadapi risiko dan bersedia untuk bersaing merebut peluang terutamanya dalam sektor ekonomi. Ketidaksediaan mereka untuk mengubah cara fikir dalam situasi kerencaman ekonomi pada hari ini hanya akan membuatkan mereka menjadi tercicir dan ketinggalan untuk merasai nikmat arus pemodenan yang sedang rancak pada ketika ini. Maka, terbukti bahawa pemikiran yang dibawa oleh Emylia Mohd Nor melalui karyanya ini merupakan satu mekanisme ke arah melahirkan masyarakat yang lebih bersedia, mampu bersaing dan terus hidup dalam kerancangan pembangunan ekonomi pada hari ini seterusnya untuk masa-masa akan datang.

KESIMPULAN

Daripada dapatan analisis dan perbincangan yang telah dikemukakan, didapati keempat-empat novel Indie yang telah diteliti dalam kajian ini sarat dengan pemikiran atau fungsi intelektual ke arah pembangunan ekonomi yang signifikan dan berimpak ke arah mewujudkan kehidupan masyarakat yang lebih baik, maju dan sejahtera. Pemikiran pembangunan ekonomi yang dikenal pasti daripada novel-novel Indie ini didapati mampu menjadi daya tolak bagi menggerakkan masyarakat bertindak memajukan ekonomi diri, keluarga dan masyarakat secara keseluruhannya agar mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih baik, berkualiti, berdaya saing, dan seterusnya mampu mencapai kemajuan dalam segenap aspek kehidupan. Memandang novel-novel ini sebagai karya sastera

yang berlandaskan kepada prinsip realisme yang menekankan fungsi sosial kesusasteraan dalam masyarakat, maka pengkaji berpendapat karya-karya Indie dapatlah diterima sebagai karya sastra yang membawa pemikiran serius yang mampu memberi impak positif terhadap proses pembangunan dan penambahbaikan kualiti kehidupan masyarakat sesuai dengan gagasan estetika realisme yang sering dilaung-laungkan oleh Georg Lukacs (1990) yang mengkehendakkan kehidupan masyarakat yang humanis serta keinginan Pramodya (2003) yang mahu mewujudkan masyarakat tanpa penindasan melalui karya sastra.

Bagi merungkaikan permasalahan kajian pula, dapatan analisis dan perbincangan yang telah dikemukakan ini telah dapat menafikan kesemua dakwaan dan tuduhan negatif yang telah dilemparkan terhadap karya-karya Indie sebelum ini. Dapatan analisis yang dikemukakan dalam kajian ini menjadi bukti bahawa novel atau karya-karya Indie tidaklah membawa tema, persoalan dan pemikiran negatif atau berhaluan kiri seperti yang digembar-gemburkan oleh sesetengah pihak sebelum ini. Dapatan daripada analisis perbandingan realisme menggunakan perspektif kritikan realisme Georg Lukacs yang telah dilakukan menunjukkan pemikiran-pemikiran yang dibawa penulis-penulis Indie sebenarnya selari dan seiring dengan dokumen-dokumen seperti dasar-dasar kerajaan, ucapan-ucapan pemimpin negara, berita-berita daripada akhbar, berita dalam talian, dan juga jurnal-jurnal ilmiah. Bukti-bukti realisme ini menjadi hujah yang kuat untuk membidas dakwaan karya-karya Indie membawa pemikiran berhaluan kiri yang menentang dasar-dasar kerajaan atau membawa ideologi protes yang boleh menggugat kedudukan kerajaan.

Dengan demikian, dakwaan-dakwaan ini bolehlah dianggap sebagai tuduhan tidak berasas tanpa usul periksa terhadap karya-karya Indie. Mengulas tentang tuduhan yang mendakwa karya-karya Indie sebagai karya yang tidak menghiraukan bahasa dan akal budi pula, maka dapatan analisis dan perbincangan yang telah dikemukakan ini dapatlah dijadikan hujah bagi menyangkal tuduhan yang tidak berasas tersebut. Berdasarkan kupasan dan pembahasan yang telah dilakukan, ternyata pemikiran-pemikiran yang terkandung dalam karya-karya Indie yang diteliti didapati mengarah kepada usaha membangunkan dan menambah baik kualiti hidup masyarakat ke arah menjadi masyarakat yang maju dan sejahtera. Sekali lagi dapatan kajian ini dapat digunakan sebagai hujah untuk menepis dakwaan-dakwaan negatif yang sering kali ditujukan kepada penulis dan karya-karya Indie sebelum ini. Oleh yang demikian, persepsi negatif masyarakat terhadap karya-karya Indie sebelum ini haruslah diubah dan dimurnikan secara adil berdasarkan hujah-hujah ilmiah sesuai dengan tradisi kita yang melihat sastra dari sudut keilmuannya. Semua pihak sepatutnya sudah mula berlapang dada menerima dan mengiktiraf karya-karya Indie sebagai karya serius yang setanding dengan karya-karya sastra arus perdana yang lain. Perkara yang membezakan karya-karya Indie dengan karya-karya arus perdana hanyalah saluran penerbitannya semata-mata.

Besarliah harapan pengkaji agar dapatan daripada kajian ini dapat dijadikan sebagai hujah dan justifikasi dalam menilai karya-karya Indie di Malaysia di samping dapat menjadi panduan kepada masyarakat pembaca dalam memilih karya-karya Indie yang bagus untuk dibaca. Semoga dapatan kajian ini akan dapat mencerahkan pandangan kelam masyarakat terhadap karya-karya Indie serta dapat membuka mata masyarakat bahawa karya-karya Indie juga menawarkan fungsi intelektual dengan mengemukakan pemikiran atau idea yang relevan dengan usaha memajukan dan menambah baik kehidupan masyarakat. Tuntasnya, dapatan kajian ini telah membuktikan karya-karya Indie sebenarnya mampu menyaingi malahan ada antaranya adalah setanding dengan karya-karya arus perdana pelbagai genre di Malaysia.

RUJUKAN

- Amir Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet. (2018). Menghapus Prejudis Perkauman Melalui Karya Indie: Analisis Terhadap Novel Kunang Pesisir Morten. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 53-68.
- Amir Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet. (2020). Wacana kemasyarakatan dalam karya-karya Indie di Malaysia. *Sains Humanika*, 12(1), 1-10.
- Asyraff Jamin. (2018, September 23). Realisme: Aliran Sastera Yang Semakin Jernih. *Mingguan Malaysia.*, pp. 12-13.
- Biro Tatanegara. (2015 May 11). Gerakan Indie di Malaysia. [Web log post]. Retrieved from [https://archive.org/details/ GerakanIndieDiMalaysia](https://archive.org/details/GerakanIndieDiMalaysia)
- Cambridge Advanced Learner's Dictionary Fourth Edition*. (2013). United Kingdom: Cambridge University Press.
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tingkatan 3*. (2019). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Emylia Mohd Nor. (2018). *Budak Kelas Belakang*. Batu Caves: Komrad Buku.
- Georg Lukacs. (1963). *The Theory of The Novel*. London: The Merlin Press.
- Georg Lukacs. (1990). *History and Class Consciousness*. London: The Merlin Press.
- Hasyuda Abadi. (2016, September 10). Indie dan Sastera Kreatif. *Utusan Borneo*, pp. 12-13.
- Ibe Karyanto. (1997). *Realisme Sosialis Georg Lukacs*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Idris Jusoh. (2016, April 15). Pelan Tindakan Keusahawanan IPT Lahir Graduan Unggul. *BH Online*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/node/144039/amp>
- Johnny Rogan. (1992). *Introduction: The Guinness Who's Who of Indie and New Wave Music*. London: Guinness Publishing.
- Julizah Sabtu. (2014). Kenaikan Kos Sara Hidup, Kesan Kepada Rakyat. *Dimensi Koop Bil.* 44/2014, p. 15-19
- Lokman Hakim. (2019, March 10). *Sastera Melayu kena berdamai dengan Sastera Dunia* [Facebook page]. Retrieved from <https://www.facebook.com/1030146951/posts/10216722546749282/?sfnsn=mo>
- Maisarah Mansor. (2013). *Surat-Surat Untuk Kaherah*. Petaling Jaya: Merpati Jingga
- Maksim Gorky. (1934, August 30). *Gorky On Soviet Literature*. Retrieved from The First All-Union Congress of Soviet Writers website: <http://soviethistory.msu.edu/1934-2/writers-congress/writers-congress-texts/gorky-on-soviet-literature/>
- Malaysia Kita Edisi Terbaru*. (2007). Kuala Lumpur: International Law Book Services
- Marzalina Mansor, Nor Hafiah Ibrahim & Hasmawati Hassan. (2016). Pemikiran Dalam Novel Sebalik Yamashita Dan Percival. *Proceeding of International Seminar on Generating Knowledge Through Research 1 (2016)*, 101-112. Sintok: Universiti Utara Malaysia, Malaysia .
- Maskiah Masrom. (2017, December 2). *Ahli Akademik Bimbang Ancaman Karya Indie Terhadap Pemikiran Anak Muda*. Retrieved from Suara Perak: <https://www.suaraperak.com/ahli-akademik-bimbang-ancaman-karya-indie-terhadap-pemikiran-anak-muda/>
- Mega Prayitna Putri. (2017). Realitas Sosial Dalam Novel Kelomang Karya Qizink La Aziva (Kajian Realisme Sosialis Georg Lukacs). *Bapala*, 4(1), 1-11.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2011). Karya Serius vs Karya Popular : Persoalan Gaya dan Ideologi. *Jurnal*

Linguistik, 12, 1-14.

- Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad & Muhammad Zaid Daud. (2018). Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa Dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 106-121.
- Muhammad Rashidi dan Siti Nur Hidayah. (2016). *Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie Di Malaysia* [Web log post]. Retrieved from http://www.jais.gov.my/sites/default/files/Laporan%20awal_Fenomena%20Buku%20Indie.pdf
- Muhammad Zaid Daud. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28.
- Muhammad Zaid Daud. (2018b). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Muhammad Zaid Daud. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif*. (Tesis sarjana). Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.
- Nor Hartini Saari. (2014, January 21). Implikasi Kenaikan Kos Sara Hidup Gugat Kebahagiaan. *Utusan Malaysia*.
- Nor Hasimah Ismail & Melor Fauzita Md Yusoff. (2016). Karya Indie : Revolusi Penulis Generasi Baru. *Proceeding of ICECRS*, 13(2), 565-570.
- Pramoedya Ananta Teor. (2003). *Realisme Sosialis dan Sastra Indonesia*. Jakarta: Lentera Dipantara.
- Raiha Bahaudin. (2015). *Kunang Pesisir Morten*. Bangi: Nubook Press Sdn. Bhd.
- Rukayah Nalim. (2016). Menyoal Realisme Sosial Dalam Novel Gadis Pantai Karya Pramoedya Ananta Teor Dengan Analisis Strategi Naratif. *Jurnal Publikasi Pendidikan* 5(1), 14-23.
- Ritos, S., & Daud, M. Z. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis Pragmatik. *Asian People Journal*, 3(1), 64-83.
- Salleh, S. F., Yahya, Y., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2020). Analisis semantik leksikal dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal*, 3(1), 45-63.
- Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020). Analisis perwatakan dalam novel komsas Di Sebalik Dinara: Analisis teori relevans. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 84-100.
- S. M. Zakir. (2018, April). Konteks "Gedebe" dalam Pok Ya Cong Codei. *Dewan Masyarakat*, pp. 38-41.
- Tori, K. (2004, January 3). Indie [Web log post]. Retrieved from Urban Dictionary: <http://www.urbandictionary.com/define.php?term=indie>
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2011). Novel Putera Gunung Tahan oleh Ishak Haji Muhammad Sebagai Wacana Balikan Pascakolonial. *Akademika* 81(3), 65-74.
- Wahid, M. S. N. A., & Daud, M. Z. (2018). Individu dan pemilihan dialek: Kajian kes di Kota Samarahan, Sarawak. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 11-21.
- Wan Shafiq. (2012). *Aku Rindu 90's*. Subang Jaya: Lejen Press Sdn. Bhd.
- Yau Chee Theng. (2015). *Realisme Dalam Cerpen-Cerpen Dua Penulis Mahua Di Malaysia*. (Unpublished master's thesis). Universiti Pendidikan Sultan Idris.